

07/04/2004

Rayuan hakim timbang tara ditangguh

PUTRAJAYA: Mahkamah Rayuan semalam menangguhkan kepada 17 Mei depan rayuan seorang hakim timbang tara yang dihukum penjara 12 bulan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam empat tahun lalu, selepas didapati bersalah menghina mahkamah dengan memfailkan petisyen pilihan raya terhadap tiga responden.

Panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Richard Malanjum, memutuskan untuk mendengar rayuan Hardial Singh Sekhon, selepas memberi masa 14 hari untuk memfailkan petisyen terhadap rayuannya itu.

Hardial didapati melanggar arahan mahkamah dengan memfailkan petisyen pilihan raya terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, tanpa mendapatkan kebenaran mahkamah pada 20 Januari 1999.

Hardial memfailkan petisyen terhadap Dr Mahathir mendakwa Perdana Menteri (sewaktu itu) bersubahat dengan Ketua Hakim (sewaktu itu) Tan Sri Wan Adnan Ismail, melakukan kesalahan mengikut Akta Pilihanraya.

Beliau mendakwa Dr Mahathir enggan memberi arahan kepada Hakim Datuk Faiza Thamby Chik, dalam kes di mana hakim itu telah mengisytiharkan Hardial muflis.

Beliau juga mendakwa Ketua Hakim Negara enggan meminda keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Sehubungan itu, Hardial mendakwa beliau tidak layak menjadi calon di Kubang Pasu untuk bertanding menentang Dr Mahathir pada pilihan raya itu.

Dalam prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Umi Kalthom Abdul Majid, membangkitkan bantahan awal dengan memohon mahkamah supaya membatalkan permohonan Hardial memandangkan beliau tidak memfailkan petisyen rayuan, walaupun rayuan difailkan lebih tiga tahun lalu.

Beliau berkata, Hardial memfailkan rayuannya pada 30 Mac 2001, tetapi sehingga kini gagal memfailkan petisyen rayuan itu.

"Dengan pembatalan itu, saya harap waran komital dapat dikeluarkan terhadap perayu," katanya.

Hardial yang tidak diwakili peguam, memberitahu mahkamah beliau tidak dapat memfailkan petisyen itu kerana tidak pernah mendapat apa-apa notis prosiding daripada mahkamah.

"Selepas memfailkan rayuan saya tidak pernah menerima apa-apa dokumen, surat atau notis prosiding daripada mahkamah, bagaimana boleh saya memfailkan petisyen," katanya.

Sehubungan itu, Malanjum yang bersidang bersama Datuk Wira Mohd Ghazali Mohd Yusoff dan Datuk Hashim Yusoff, memerintahkan mahkamah supaya menyerahkan dokumen yang diperlukan Hardial dan mengarahkan beliau memfailkan petisyen rayuan dalam masa dua minggu, sebelum mahkamah mendengar rayuannya pada 17 Mei depan.